

Wujudkan universiti pengurusan mesra, efektif

13/1/13 Sinar M/S T3

KUALA TERENGGANU –

Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) akan dijadikan sebuah universiti yang mempunyai 'Pengurusan Mesra dan Efektif', kata Naib Canselor Unisza, Prof Dr Yahaya Ibrahim yang baharu dilantik bermula 1 Januari lalu.

Katanya, Unisza mempunyai tiga kampus berasingan, iaitu Kampus Kota, Gong Badak dan Besut manakala pejabat pendaftar terletak di Jalan Engku Sar, Kuala Terengganu.

"Kampus Unisza di Gong Badak akan dinaik taraf sebagai Kampus Utama dan turut menempatkan Pejabat Naib Canselor, Pejabat Pendaftar, Bendahari dan juga staf sokongan yang lain supaya kita dapat mewujudkan pengurusan mesra dan efektif."

"Manakala Kampus Kota, (kita) akan menyerahkan kepada Fakulti Perubatan sepenuhnya. Kalau kita tidak berada di dalam kampus (yang bersama dengan kakitangan dan pelajar maka usaha ke arah

itu tidak berlaku.

"Proses pembangunan itu sedang berjalan secara agresif. Kita sedang menaik taraf bangunan lama untuk menjadi bangunan Canselor supaya sesuai menjadi pusat pentadbiran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Penghargaan yang dianjurkan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Puncak Gamelan, Primula Beach Hotel (PBH).

Hadir sama, Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Ibrahim Komoo.

Sebelum ini Kementerian Kementerian Pengajian Tinggi mengumumkan pelantikan Yahaya sebagai naib canselor baharu Unisza menggantikan Datuk Prof Alias Daud.

Pelantikannya itu untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015.

Menurutnya, usaha membangunkan Unisza mungkin perlu diperhalusi dengan kaedah-kaedah tertentu me-



Yahaya (kanan) menerima cenderamata daripada Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Ibrahim Komoo semasa majlis penghargaan yang dianjurkan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Puncak Gamelan, Primula Beach Hotel (PBH), malam semalam.

mandangkan universiti tersebut telah lama bertapak di negeri ini, iaitu bermula dengan nama Kolej Sultan Zainal Abidin (Kusza), kemudian Universiti Darul Iman (UDM) dan kini dikenali dengan nama

Unisza.

Mengulas lanjut, Yahaya berkata, sebab ada perkara-perkara asas yang perlu ada pada sebuah universiti masih belum siap dan bidang-bidang yang masih tidak terfokus yang me-

merlukan komitmen daripada semua warga Unisza.

"Kita perlu bangunkan semula, akademik, imej, pengurusan organisasi, hal ehwal pelajar dan pembangunan infrastruktur kerana sebahagian

ada sesuai dan (ada) yang tidak sesuai. Bukan hanya kepada manusia tetapi infrastruktur juga.

"Sebab itu (kita) minta komitmen menyeluruh ke arah memartabatkan Unisza," katanya yang pernah menjadi Timbalan Naib Canselor UMT selama tiga tahun setengah.

Sementara itu, perkembangan hospital universiti pulak, katanya ia masih peringkat awal, iaitu peringkat pelan dan permohonan bergantung kepada bajet.

Katanya, sehingga kini dimaklumkan hanya 100 katil sahaja diluluskan namun akan berusaha bangunkan secara berperingkat kepada perancangan awal sebanyak 400 katil bergantung kepada peruntukan yang ada.

Beliau berkata, Unisza juga sedia bekerjasama dengan UMT dalam bidang-bidang setara dan ada persamaan supaya dapat menggunakan ruang-ruang ada dan tenaga pengajar secara maksimum.